



PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	8/1/2011

## Najib anggap perjumpaan biasa

**P**UTRAJAYA: Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mengesahkan akan mengadakan pertemuan dengan Majlis Ahli Parlimen Barisan Nasional (BN-BBC) yang disifatkannya sebagai 'pertemuan biasa' bagi perbincangan dua hala dengan wakil rakyat mengenai keadaan di kawasan masing-masing.

Difahamkan, pemukiman tertutup itu akan diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur mulai jam 9 pagi ini dan dijadualkan berlangsung sehari suntuk.

Najib berkata, pertemuan itu juga adalah dalam proses transformasi politik yang pernah beliau nyatakan sebelum ini.

"Tujuan biasa (pertemuan) untuk mereka mahu berjumpa dengan saya dan saya pun ingin jumpa Ahli Parlimen untuk mengetahui keadaan di kawasan masing-masing. Ini adalah suatu usaha dalam proses transformasi politik yang saya sudah nyatakan (sebelum ini)," katanya pada sidang media di sini semalam.

Ditanya sama ada perjumpaan itu bagi mendapatkan maklumat bagi persediaan pilihan raya umum, Perdana Menteri berkata, ia membabitkan pertukaran maklumat dua hala.

"Ia dua hala, saya perlu membe-

ritahu mereka apa yang perlu dilakukan dan saya juga perlu mengetahui pandangan mengenai situasi di setiap kawasan parlimen.

"Setiap perkara (dilakukan) adalah menuju ke arah pilihan raya umum kerana kita (BN) mahu dipilih semula dan kita mahu berkhidmat untuk rakyat dan biar rakyat membuat keputusan," katanya.

Permukiman atau retreat bersama BNBBC itu sudah menjadi kelaziman setiap kali sidang Dewan Rakyat berehat panjang bagi mendapatkan pandangan, buah fikiran serta laporan daripada semua ahli BNBBC.

Setiap kali ketika Parlimen bercuti rehat, BNBBC akan mengadakan pertemuan. Tahun lalu, beberapa siri pertemuan membabitkan BNBBC diadakan termasuk di Santubong Sarawak, Karambunai Sabah dan terbaru Mei lalu di Pulau Pangkor, Perak.

Beberapa Ahli Parlimen berkata, mereka diarahkan memberi gambaran pembangunan dan senario politik di kawasan masing-masing dalam pertemuan itu.

"Selain itu, kami juga diminta memaklumkan mengenai projek yang mendesak di kawasan masing-masing selain berdialog dengan Perdana Menteri," kata seorang Ahli Parlimen.